

1

Perniagaan Rizky telah merekodkan kadar bayaran RM1 900 dalam penyata kewangan perniagaan termasuk kadar bayaran belum dijelaskan sebanyak RM300

Apakah prinsip perakaunan yang dipatuhi oleh peniaga tersebut?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Pengiktirafan hasil dan belanja

2 Manakah merupakan catatan kontra?

- A Belian
- B Jualan
- C Pulangan keluar
- D Angkutan masuk

3 Puan Aimy seorang pembekal alat tulis telah menghantar barangan yang dipesan oleh pelanggannya bersama dengan nota serahan dan invois. Selepas beberapa hari kemudian beliau mendapati invois tersebut telah berkurang caj. Dokumen manakah yang perlu dihantar oleh Puan Aimy kepada pelanggannya untuk membetulkan invois tersebut?

- A Nota debit
- B Nota kredit
- C Makluman debit
- D Makluman kredit

4 Pernyataan manakah benar berkaitan diskaun niaga?

- A Galakan pembelian dalam kuantiti yang banyak
- B Potongan daripada harga bersih dalam invois
- C Galakan pembayaran hutang dengan segera
- D Potongan daripada jumlah hutang

- 5 Encik Wong telah membawa masuk komputer peribadi untuk kegunaan perniagaan.
Manakah catatan bergu yang betul?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Lekapan	Modal
B	Modal	Lekapan
C	Alatan pejabat	Modal
D	Modal	Alatan pejabat

- 6 Dokumen 1 diterima oleh Kedai Buku Husni.

MAKLUMAN KREDIT MB Bank 10 Jalan Rahmat 83000 Batu Pahat Tarikh : 20 April 2020	
Kepada Kedai Buku Husni NO. 43 Jalan Kluang 83000 Batu Pahat	
No. Akaun : 0707-88754-04	
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut :	
Ringgit	: Dua ratus lapan puluh sahaja
Malaysia	
Perkara	: Faedah atas simpanan tetap
RM280.00 <i>mala</i> Pengurus	

Apakah catatan yang betul dalam Buku tunai?

- A Debit ruangan bank RM280
- B Debit ruangan tunai RM280
- C Kredit ruangan bank RM280
- D Kredit ruangan tunai RM280

7 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Jihan.

Tarikh	Butir	Jumlah
2020		RM
Januari 9	Store Amani	1 200
20	Samad Enterprise	700
31	Akaun Jualan	1 900

Apakah catatan yang betul dalam Akaun Jualan?

- A
- | Akaun Jualan | | | |
|--------------|------|------------------|-------|
| | 2020 | | RM |
| | Jan | Store Amani | 1 200 |
| | 31 | Samad Enterprise | 700 |
- B
- | Akaun Jualan | | | |
|--------------|------|-------------|-------|
| | 2020 | | RM |
| | Jan | Akaun Belum | 1 900 |
| | 31 | Terima | |
- C
- | Akaun Jualan | | | |
|--------------|------|-------------|-------|
| | 2020 | | RM |
| | Jan | Akaun Belum | 1 900 |
| | 31 | Bayar | |
- D
- | Akaun Jualan | | | |
|--------------|------|--------|-------|
| | 2020 | | RM |
| | Jan | Jualan | 1 900 |
| | 31 | | |

8 Antara yang berikut, yang manakah digunakan untuk mengira kos jualan?

- I Jualan, pulangan keluar, inventori
- II Belian, Inventori awal, angkutan keluar
- III Belian, inventori awal, angkutan masuk
- IV Inventori akhir, pulangan keluar, dui import

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Petikan Buku Tunai diambil daripada Kedai RMS Stationery.

Buku Tunai (Ruangan Debit)					
Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2018 Mac 3	Johan Enterprise			700	

Bagaimanakah catatan pengeposan ditunjukkan dalam lejar?

- A
- | | |
|------------------|-----|
| Johan Enterprise | |
| Bank | 700 |
- B
- | | |
|------------------|-----|
| Johan Enterprise | |
| Tunai | 700 |
- C
- | | |
|------------------|----------|
| Johan Enterprise | |
| | Bank 700 |
- D
- | | |
|------------------|-----------|
| Johan Enterprise | |
| | Tunai 700 |

- 10 Salmah menjelaskan hutang sebanyak RM1 000 kepada pembekal Izam dengan cek selepas mengambil kira diskaun tunai. Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

	Akaun didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Bank Diskaun diterima	Pembekal Izam
B	Bank	Pembekal Izam Diskaun diterima
C	Pembekal Izam Diskaun diterima	Bank
D	Pembekal Izam	Bank Diskaun diterima

- 11 Akaun Kawalan Belum Bayar berikut diambil daripada Kedai Ezy Stationery.

Akaun Kawalan Belum Bayar					
2019			2019		
		RM			RM
Dis 31	Bank	10 890	Jan 1	Baki b/b	2 120
	Diskaun	420	Dis 31	S	11 750
	Baki h/b	2 560			

Apakah S

- A Belian
 B Kontra
 C Pulangan belian
 D Angkutan keluar
12. Pernyataan manakah yang menerangkan imbalan duga?
- A Mengira untung atau rugi bagi sesebuah perniagaan
 B Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 C Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan
 D Mengukur prestasi perniagaan
- 13 Petikan akaun berikut diperolehi daripada buku seorang peniaga yang tersilap rekod.

Akaun Sewa Diterima		
2020	RM	
April 16	Bank	380

Akaun Bank		
	2020	RM
	April 16	Sewa
	diterima	380

Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 April 16	Bank Sewa diterima	RM 760	RM 760

B

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 April 16	Sewa diterima Bank	RM 760	RM 760

C

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 April 16	Bank Sewa diterima	RM 380	RM 380

D

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2020 April 16	Sewa diterima Bank	RM 380	RM 380

14 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Waris.

	RM
Untung	3 675
bersih	32 000
Modal awal	58 916
Aset	

Berapakah liabiliti Perniagaan Waris?

- A RM23 241
- B RM26 916
- C RM30 591
- D RM35 675

- 15 Manakah yang berikut merupakan aset perniagaan?
- A Gadai janji
 - B Insurans prabayar
 - C Akaun Belum Bayar
 - D Komisen belum terperoleh
- 16 Petikan Penyata kedudukan Kewangan berikut diambil daripada Perniagaan Qistina.

Perniagaan Qistina		
<u>Penyata Kedudukan Kewangan pada 31</u>		
<u>Disember 2019</u>		
	RM	RM
<u>Aset Semasa</u>		
Inventori	15 000	
Akaun Belum Terima	<u>8 000</u>	
		23 000
<u>Tolak : Liabiliti Semasa</u>		
Akaun Belum Bayar		<u>7 000</u>
X		16 000

Apakah X?

- A Modal awal
- B Modal kerja
- C Modal akhir
- D Modal tambahan

- 17 Maklumat berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit bagi bulan Julai 2020.

	RM
Jumlah	300
penerimaan	275
Jumlah	25
pembayaran	
Baki akhir bulan	

Berapakah jumlah wang dibayar balik mengikut Sistem Panjar?

- A RM25
 - B RM275
 - C RM300
 - D RM575
18. Apakah belanjawan tunai?
- A Buku rekod wang masuk dan keluar serta baki ditangan
 - B Laporan wang yang diterima dan dibayar bagi tempoh tertentu
 - C Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai untuk sesuatu tempoh
 - D Jumlah hasil yang diterima dan belanja yang dibayar untuk mengurus perniagaan
19. Pilih butiran yang direkod dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
- I Pindahan kredit
 - II Faedah atas overdraf
 - III Cek belum dikemukakan
 - IV Deposit belum dikreditkan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

20 Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri sebuah milikan perkongsian?

- A Hayat perniagaan tamat apabila salah seorang pekongsi meninggal dunia
- B Bilangan ahli maksimum 20 orang bagi semua jenis perkongsian
- C Keuntungan diagihkan kepada pekongsi dalam bentuk dividen
- D Cukai dikenakan ke atas pendapatan perniagaan

21 Fikri dan Zarah, pemilik Perkongsian RIZA, telah menjalankan perniagaan tanpa memeterai Ikatan perkongsian.

Apakah implikasi perkara di atas dari aspek Perakaunan?

- I Ambilan oleh Fikri dan Zarah dikenakan faedah 5% setahun.
- II Untung dikongsi antara Fikri dan Zarah mengikut nisbah 1:1.
- III Faedah atas pinjaman 8% setahun dibayar kepada Fikri dan Zarah
- IV Fikri dan Zarah tidak dibayar gaji untuk menguruskan Perniagaan Riza

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

- 22 Kenderaan diambil alih oleh pekongsi semasa pembubaran.
Apakah kesan yang terlibat kesan daripada urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Akaun Kenderaan	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Kenderaan
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
D	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi

- 23 Perkongsian Tania dan Rania memberikan maklumat berikut pada 30 September 2019.

	Tania
	RM
Kongsi untung	8 000
Ambilan	1 500
Faedah atas modal	4 000

Berapakah baki akhir Akaun Semasa Tania?

- A RM2 500
- B RM5 500
- C RM10 500
- D RM13 500

- 24 Jadual berikut menunjukkan ambilan yang dilakukan oleh rakan kongsi Perkongsian ADNI yang berkongsi untung atau rugi secara sama rata.

Nama	Tarikh Ambilan	
	1 April 2020	1 Julai 2020
Adnan	RM 1 000	RM 300
Sani	1 800	-
Maklumat tambahan : Faedah atasbilan 10% setahun Tempoh perakaunan 1 Januari 2020 - 31 Disember 2020		

Berapakah faedah atas ambilan setiap rakan kongsi?

	Adnan	Sani
A	180	130
B	130	180
C	90	135
D	135	90

- 25 Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?

- I Ambilan yang banyak
- II Sumbangan modal yang besar
- III Nilai aset yang diambil alih rendah
- IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

26 Akaun berikut diperoleh daripada buku Seri Putra Trading.

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat					
2020			2020		
		RM			RM
Jun	Alatan pejabat	3 500	Jun	Susut nilai	700
30	X	750	30	terkumpul	3 550
				Bank	
		<u>4 250</u>			<u>4 250</u>

Apakah X?

- A Baki h/b
- B Susut nilai
- C Rugi pelupusan
- D Untung pelupusan

27 Antara yang berikut, yang manakah ciri syarikat awam?

- I Bilangan ahli terdiri daripada 1 hingga 5 orang
- II Bilangan pengarah minimum 2 orang
- III Pemilikan syer terbuka kepada individu, entiti perniagaan dan persatuan
- IV Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Apakah dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer bagi sebuah syarikat berhad.

- A Ikatan Perjanjian
- B Notis Penubuhan
- C Perlembagaan Syarikat
- D Notis Pemerbadanan Syarikat

29 Pernyataan manakah yang menunjukkan ciri pemegang syer keutamaan?

- A Mempunyai hak mengundi
- B Mendapat dividen dengan kadar yang tetap
- C Tidak berhak menerima dividen tertunggak
- D Berpeluang menentukan polisi dan pengurusan syarikat.

30 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Syarikat Nain Berhad.

Modal diterbitkan
400 000 unit 5% Syer Keutamaan RM1.50
sesyer
500 000 Syer Biasa RM1.00 sesyer

Semua syer yang diterbitkan dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM2 250 000
- B RM1 100 000
- C RM9 000 000
- D RM5 300 000

31 Antara berikut, yang manakah menyebabkan rekod perakaunan tak lengkap?

- I Menyimpan hanya rekod penghutang dan pemiutang
- II Mencatat di Buku Tunai sahaja
- III Merekod menggunakan sistem catatan bergu
- IV Mencatat di buku catatan pertama dan pindahan ke lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 32 Bagaimanakah untung bersih dikira jika peniaga mempunyai rekod tak lengkap
- A Modal akhir + Ambilan - Modal awal - Modal tambahan
 - B Modal awal - Ambilan + Modal akhir + Modal tambahan
 - C Modal awal + Modal tambahan - Modal akhir - Ambilan
 - D Modal akhir - Modal awal + Modal tambahan - Ambilan
- 33 Cik Mona tidak menyimpan buku akaun dengan lengkap. Maklumat berikut diperoleh pada 31 Disember 2020.

2020	RM
Jan 1 Iklan belum bayar	280
Dis 31 Jumlah pembayaran iklan	540
Iklan belum bayar	160

- Berapakah jumlah iklan yang direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?
- A RM420
 - B RM540
 - C RM660
 - D RM980

- 34 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran kerepek oleh Orang Desa Enterprise.

Kos tetap	RM20 000
Harga jualan	RM2 sekilogram
Margin caruman	RM5 sekilogram

Berapakah titik pulang modal sekiranya Kos Tetap meningkat sebanyak RM10 000?

- A 2 000 kilogram
 - B 6 000 kilogram
 - C 12 000 kilogram
 - D 15 000 kilogram
- 35 Kilang Kek Murni merupakan pembekal kek dan roti di sekitar Bandar Baru Bangi. Antara yang berikut, manakah kos tetap kilang tersebut?
- I Angkutan masuk bahan langsung
 - II Upah operator pengeluaran
 - III Susut nilai mesin
 - IV Sewa kilang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 36 Apakah istilah yang digunakan bagi lebihan harga jualan daripada kos berubah?
- A Untung
 - B Tokokan
 - C Margin caruman
 - D Titik pulang modal

- 37 Maklumat berikut berkaitan bahan mentah Perusahaan Sedap Rasa, pengeluaran keropok segera.

	RM
Inventori awal bahan langsung	500
Belian bahan langsung	1 000
Angkutan masuk	200
Inventori akhir bahan langsung	700

Berapakah kos bahan langsung?

- A RM1 000
 - B RM1 400
 - C RM2 000
 - D RM2 400
- 38 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Azizul pada 31 Disember 2020.

Inventori purata	RM19 000
Untung kasar	RM42 400
Kadar pusing ganti inventori	4 kali

Berapakah kos jualan?

- A RM93 600
- B RM76 000
- C RM61 400
- D RM47 150

39 Pasangan yang manakah betul tentang nisbah dan tafsirannya?

	Nisbah	Tafsiran
A	Pulangan atas modal	Menilai prestasi pengurusan
B	Nisbah semasa	Mengetahui tahap kecairan
C	Tokokan	Menilai kecekapan pengurusan inventori
D	Kadar pusing ganti inventori	Mengetahui kedudukan kewangan

40 Maklumat berikut diambil daripada buku Syarikat Mawar Sendirian Berhad pada 31 Mac 2020.

	RM
Akaun Belum Terima	15 000
Inventori akhir	5 000
P	10 000
Nisbah semasa syarikat	2:1

Apakah **P** ?

- A Tunai
- B Pinjaman
- C Bangunan
- D Akaun Belum Bayar